

26/06/2004

Ramal prestasi baik

KONSORTIUM Logistik Bhd yakin mencapai prestasi lebih baik tahun ini, tetapi belum dapat menentukan sama ada akan meraih keuntungan atau terus mengalami kerugian, kata presiden dan pengerusi eksekutifnya, Mirzan Mahathir.

Syarikat itu mencatat kerugian berjumlah RM3.017 juta bagi suku pertama berakhir 31 Mac 2004 berbanding keuntungan selepas cukai RM256,000 suku yang sama tahun lalu, dengan mengumpul perolehan dagangan RM45.203 juta.

Biarpun mengakui keputusan suku pertama tidak memuaskan, Mirzan berkata, keputusan itu tidak mencerminkan prestasi bagi keseluruhan tahun.

(END)